

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2023**

**PENGURANGAN PREMIUM PEMBERIMILIKAN TANAH SEBANYAK 30
PERATUS (30%) DI BAWAH KAEDAH 10 (b) (A) KAEDAH-KAEDAH TANAH
KELANTAN 1966 DI NEGERI KELANTAN.**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 21/2022 yang bersidang pada 19 Oktober 2022 melalui Kertas Bil. 21/2022/D 35 (149) telah bersetuju meluluskan pengurangan premium di bawah Kaedah 10 (b) (A), Kaedah Tanah Kelantan 1966, sebanyak 30 peratus (30%) daripada premium pemberimilikan tanah yang dikenakan.

2. Pengurangan premium 30% yang diberikan adalah bagi permohonan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan telah dikeluarkan Notis 5A. Tempoh pengurangan tersebut berakhir pada 31 Disember 2023.
3. Pengurangan dipertimbangkan kepada pemohon yang memenuhi syarat-syarat sebagaimana berikut:
 - 3.1 Kelayakan hanya bagi individu sahaja;
 - 3.2 Pemohon telah menerima surat tuntutan bayaran jelas Notis 5A dan belum menjelaskan bayaran tersebut;
 - 3.3 Telah mendapat perakuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri;
 - 3.4 Setelah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, bayaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh sebulan daripada tarikh kelulusan berkuatkuasa; dan
 - 3.5 Tertakluk kepada apa-apa bayaran pemprosesan yang akan ditetapkan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
4. Sehubungan dengan ini Pentadbir – Pentadbir Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kelantan adalah diminta mengambil maklum dan mengambil tindakan berkenaan keputusan Pihak Berkuasa Negeri di atas dan Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S. K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha/ Yang Mulia
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL NO : PTG.KN. 12/3/15 Jld.13
BERTARIKH : 19 Jamadil Akhir 1444H
12 Januari 2023